



MENGHARAP SINAR MENELAN KABUS

Laporan harian di
www.wilayahku.com.my
dan
media sosial Wilayahku





PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI EKORAN BANJIR DI KUALA LUMPUR

Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan kerja-kerja operasi membantu, menyelamatkan dan membersihkan yang memasuki **hari kelima** di kawasan-kawasan yang terkesan dengan bencana banjir di sekitar ibu negara Kuala Lumpur.

Status terkini bagi lokasi - lokasi yang terkesan dengan bencana banjir adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	STATUS
1	Kg. Periuk	68 orang mangsa masih ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Sultan Sulaiman
2	Kg. Pasir	264 orang mangsa masih ditempatkan di PPS SJK Tamil Saraswathy Lembah Pantai
3	Kg. Batu Bata	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 4.00 petang 21 Disember 2021)
4	Taman Hock Ann	Air telah surut ; semua penghuni telah kembali ke rumah
5	Lorong Haji Mahadi	Air telah surut dan jalan telah dibuka
6	Jalan Melaka	Air telah surut dan jalan telah dibuka
7	Jalan Batu-Bata	Jalan telah dibuka
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Jalan masih ditutup
9	Maluri	Semua jalan telah dibuka
10	Leisure Mall	Semua jalan telah dibuka
11	Bandar Permaisuri	Semua jalan telah dibuka
12	Sg. Besi	Semua jalan telah dibuka
13	Kg. Seri Delima	Air telah surut ; jalan masih belum dibuka
14	Jalan Raja Chulan	Jalan telah dibuka
15	Lorong Jambu Laut	Air telah surut ; jalan masih belum dibuka
16	Kg. Kasipillay	Air telah surut
17	Kg. Chubadak	Jalan telah dibuka
18	Jalan Tiongnam	Jalan telah dibuka

Ketika ini, **pusat pemindahan sementara (PPS)** yang masih aktif adalah di lokasi seperti berikut:

- i. Dewan Sultan Sulaiman bagi pemindahan penduduk Kampung Periuk, Kampung Bharu; dan
- ii. SJK Tamil Saraswathy Lembah Pantai bagi pemindahan penduduk Kampung Pasir

Berikut merupakan status bagi setiap lokasi pusat pemindahan:

BIL.	LOKASI KEJADIAN	LOKASI PUSAT PEMINDAHAN	MANGSA	STATUS
1	Kg Bharu Kg Periuk	Kelab Sultan Sulaiman	68 mangsa (19 keluarga)	-20 khemah -DBKL, APM, RELA, PDRM
2	Kg Pasir	SJKT Saraswathy Lembah Pantai	264 mangsa (54 keluarga)	-Air telah surut -Lokasi dalam proses pembersihan -DBKL, APM, JKM, JBPM, PDRM
3	Kg Batu Bata	Dewan Jalan Hamzah	Mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 4 petang, 21 Dis. 2021	-PPS ditutup

Jumlah keseluruhan penduduk yang masih berada di PPS ialah **332 orang dengan 73 keluarga**.

Beberapa laporan berkaitan tanah runtuh telah dikenalpasti oleh DBKL iaitu melibatkan **70 lokasi tanah runtuh**. Senarai lokasi adalah seperti berikut :

- Persiaran Negeri Sembilan
- Setiawangsa (Cerun C)
- Setiawangsa (Cerun D)
- Jalan Durian 3, Cheras
- 5 Lorong Bukit Pantai 3
- Jalan 2/98, Taman Supreme
- Lot 2979, Jalan Penchala Indah
- No 263 Taman Damansara Indah
- Bangsar Indah Condominium
- Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan
- Jalan Bukit Ledang, Damansara
- Jalan Pantai Permai
- Jalan Perkasa, Taman Salak Selatan
- Semantan Villa
- No 37, Jln Changkat Semantan 1, Damansara Heights
- Jalan 2/48B, Taman Bukit Mas
- Kampung Puah
- Seri Duta 1, Bukit Tunku
- Taman Seputeh 3
- Lorong Burhanuddin Helmi 4, TTDI
- Parking Awam Bukit Nenas
- Kampung Palimbayan, Sungai Penchala -Jalan masih ditutup

- Jalan Kiara 3 (Segambut Dalam)
- 22, Lorong Travers
- Seri Carcosa - Tali keselamatan dan *water barrier* telah diletakkan dilokasi.
- Kondominium Seri Duta , Taman Duta
- Lot 210 & 212, Jalan Desa Mesra,Tmn Desa
- No 31, Jalan Batai Barat, Bukit Damansara
- No 15, Changkat Tunku, Bukit Tunku
- 32, Jalan Teruntong, Damansara Heights
- Jalan Parlimen
- Jalan Ledang, Damansara
- 92A, Jalan Jelutong, Damansara Heights
- Jalan Dungun
- No 19, Jalan Bukit Tunku
- Jalan 1/154, Taman Bukit Anggerik
- Jalan 5/98, Taman Supreme
- Jalan Parlimen (Cerun Tugu Negara)
- Susur Keluar Lebuhraya Sultan Iskandar menghala ke Jalan Parlimen
- Jalan Tuanku Abdul Halim susur ke Istana Negara
- Jalan Kia Peng sebelum simpang masuk ke Persiaran KLCC
- Lot 2750, Kampung Sg Penchala, Jalan Sri Penchala 2
- Wedgewood Residences, 11 Jalan Mont Kiara
- Lorong Beluntas 2 dan 3, Medan Damansara
- PPR Intan Baiduri (Blok D)
- Jalan Bukit Setiawangsa 1
- 8, Jalan 51/26, Taman Seri Rampai
- Persiaran Syed Putra
- 18, Jalan 51/26, Taman Sri Rampai
- Jalan Jalil Perkasa 19
- Pusat Komuniti, Jalan Taman Setiawangsa
- No.1, Setia Murni 7
- No.10 & 12, Jalan Setia kasih 6
- Bank Negara
- Arkib Negara
- Kondominium Sri Kinabalu
- Lot 2750, jalan Sri Penchala 2, Kg Sg Penchala
- 92A, Jalan Jelutong, Damansara Heights
- Lorong Bukit Pantai 2
- Medan Selera
- No. 25 & 27, Lorong Travers
- Bangunan Parlimen
- Jalan Kiara 3
- No.15, Changkat Tunku, Bukit Tunku
- 32, Jalan Teruntong
- 11, Jalan Mont Kiara
- Lorong Beluntas 2 dan 3
- PPR Intan Baiduri, Blok D
- Jalan 3/125, Desa Petaling
- Berhampiran kuil Jalan Robson

Pihak IKRAM telah dilantik oleh DBKL untuk membuat kajian bagi mengenalpasti

tindakan penyelesaian yang sesuai untuk dilaksanakan.

DBKL juga telah mengenalpasti lokasi **pokok tumbang dan dahan serkah** menerusi siasatan di tapak dan aduan awam. Lokasi dan status bagi setiap lokasi yang terlibat adalah seperti berikut :

BIL.	LOKASI	STATUS
1.	Jalan Bukit Damansara 195	Selesai
2.	Jalan Pantai Permai, Lembah Pantai	Selesai
3.	Muzium Di Raja Bukit, Petaling (Pintu 2)	Selesai
4.	IPD Brickfields	Selesai
5.	Jalan Siakap Blok 28 Cheras	Selesai
6.	Jalan Midah 8 Cheras	Selesai
7.	Jalan Jubilee off Jalan Loke Yew	Selesai
8.	Galeria Sri Perdana, Jalan Terengganu	Selesai
9.	Klinik Kesihatan Segambut Dalam	Selesai
10.	Jalan 1/4B Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
11.	SMK Wangsa Melawati	Selesai
12.	Jalan 2/27A Sekyen 1 Wangsa Maju	Selesai
13.	Jalan Raja Chulan, No 43	Selesai
14.	Lorong Setia Bistari, Bukit Damansara	Selesai
15.	Jalan Kuching, Bulatan Dato Onn	Selesai
16.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
17.	Persiaran Lemak Taman Segar Jalan Cheras	Selesai
18.	Jalan Sekilau, Taman Tenaga	Selesai
19.	Jalan Tunku, Bukit Tunku	Selesai
20.	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
21.	No16A, Jalan Air Panas Baru, Air Panas Setapak	
22.	Wisma Tani Ke Bukit Tunku	Selesai
23.	No 10, Jalan 1/38C Taman Sri Kepong Baru	Selesai

24.	No 40,Jalan Medan Tanduk Bukit Bandaraya Damansara	Selesai
25.	Masjid Jamek Petaling, Jalan Puchong	Selesai
26.	Jalan Damai Jasa 18, Alam Damai	Selesai
27.	Jalan 1/38F, Taman Sri Sinar	Selesai
28.	Tepi Sek Keb Bt 4 , Jalan Ipoh	Selesai
29.	Hadapan Rumah Menteri Kewangan Bukit Tunku Kenny Hill	Selesai
30.	Jln Medan Putra 1, Bandar Manjalara	Selesai
31.	Jln 1/62A Manjalara	Selesai
32.	Berhampiran Pondok Polis Taman Desa	Selesai
33.	Jln 3 /38A Taman Sri Sinar	Selesai
34.	677, Lingkungan Jambu Gajus	Selesai
35.	Hadapan Blok 42, Jalan Loke Yew	Selesai
36.	Jalan Kolam Air 4, Jalan Ipoh	Selesai
37.	Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
38.	Lebuhraya Sultan Iskandar	Selesai
39.	Jln Medan Tanduk, Bangsar.	Selesai
40.	Jln 1/27D, Seksyen 6 Wangsa Maju	Selesai
41.	Jln Wangsa Perdana 3, Seksyen 4, Wangsa Maju	Selesai
42.	Jalan 27/56, AU3 Keramat Wangsa	Selesai
43.	Jalan Metro Perdana Barat 13, Kepong	Selesai
44.	92 Danau, Jalan 2/62 Bandar Manjalara Kepong	Selesai
45.	35, Jalan Langgak Tunku, Bukit Tunku	Selesai
46.	Jalan Nikmat, Taman Bukit Aman	Selesai
47	Berdekatan Federal Hotel	

DBKL bersama agensi sahabat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), RELA, Alam Flora, NADMA dan Pasukan

Pengakap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus menjalankan operasi membantu dan menyelamatkan serta menjalankan kerja – kerja pembersihan.

Jumlah keseluruhan kekuatan anggota yang terlibat adalah seramai **1,400 orang**.

Kerja-kerja pembersihan juga telah mula dilakukan sejak 19 Disember 2021 oleh DBKL melalui pihak Alam Flora di sekitar bandar raya Kuala Lumpur dan akan diteruskan sehingga selesai.

Seramai **350 orang kakitangan** yang terlibat dalam **kerja-kerja pembersihan** yang terdiri daripada kakitangan DBKL dan kakitangan Alam Flora.

Berikut merupakan status pembersihan di setiap lokasi yang terlibat:

BIL	LOKASI	STATUS KERJA PEMBERSIHAN
1	Kg. Periuk	Dalam proses pembersihan
2	Kg. Pasir	Dalam proses pembersihan
3	Kg. Batu Bata	Dalam proses pembersihan
4	Taman Hock Ann	Dalam proses pembersihan
5	Lorong Haji Mahadi	Dalam proses pembersihan
6	Jalan Melaka	Selesai
7	Jalan Batu-Bata	Dalam proses pembersihan
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Selesai
9	Maluri	Selesai
10	Leisure Mall	Selesai
11	Bandar Permaisuri	Selesai
12	Sg. Besi	Selesai
13	Kg. Seri Delima	Dalam proses pembersihan
14	Jalan Raja Chulan	Dalam proses pembersihan
15	Lorong Jambu Laut	Dalam proses pembersihan
16	Kg. Kasipillay	Selesai
17	Kg. Chubadak	Dalam proses pembersihan
18	Jalan Tiong Nam	Dalam proses pembersihan
19	Jalan Raja Laut	Selesai
20	Jalan Raja	Selesai
21	Jalan Melayu	Selesai

22	Jalan Tun Perak	Selesai
23	Jalan Sultan Hishamudin	Selesai
24	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
25	Masjid Jamek	Selesai
26	Jalan Kolam Air	Selesai
27	Jalan Putra	Selesai
28	Pejabat JPK Pekeliling	Selesai
29	Jalan Pahang	Dalam proses pembersihan
30	Flat PKNS	Dalam proses pembersihan
31	Jalan 1/68D	Selesai

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
Menteri Wilayah Persekutuan
22 Disember 2021



DATUK Seri Shahidan Kassim (kiri) bersama isterinya Datin Seri Shamsiah Md Yassin (tengah) dan Ketua Pengarah Eksekutif YWP Datuk Zaizalnizam Zainun (kanan) menyediakan barangan keperluan asas yang bakal diagihkan kepada penduduk yang terjejas.



SHAHIDAN bersama sukarelawan Yayasan Wilayah Persekutuan mengagihkan bantuan makanan kepada mangsa banjir.



SHAHIDAN melihat bantuan yang bakal diagihkan kepada mangsa banjir di Bilik Operasi Banjir Taman Sri Muda.



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim bersama Anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia ketika menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Taman Sri Muda.



PENDUDUK tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan bantuan bekalan makanan yang disediakan di Bilik Operasi Banjir Taman Sri Muda.





BANTUAN pakaian turut diberikan kepada mangsa yang terjejas.

Empat inisiatif ringankan beban rakyat - PM

PERDANA Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu mengumumkan empat inisiatif yang akan dilaksanakan agensi kerajaan dan sektor perbankan bagi meringankan beban rakyat dan peniaga perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) yang terkesan banjir.

Ismail Sabri menerusi kenyataan hari ini berkata Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menyediakan pembiayaan kewangan peribadi tanpa faedah sehingga RM5,000 dan bagi tujuan itu BSN memperuntukkan RM100 juta untuk ringankan beban mangsa banjir membeli peralatan dan kelengkapan rumah yang musnah akibat bencana itu.

Perdana menteri berkata moratorium (rehat bayaran) enam bulan pertama ke atas pembayaran ansuran bulanan pembiayaan itu dan inisiatif berkenaan terbuka kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh negara.

Menurut Ismail Sabri Tekun Nasional juga mengkhususkan dana berjumlah RM30 juta untuk Pinjaman Pemulihan Banjir Pembiayaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro yang terkesan.

Katanya bagi pinjaman sehingga RM10,000, tiada kadar faedah dikenakan dan moratorium bayaran balik diberikan untuk 12 bulan.

Menurut Ismail Sabri, Bank Negara Malaysia (BNM) juga sedang berusaha menambah peruntukan ke atas Kemudahan Bantuan Bencana 2022 atau Disaster Relief Facility (DRF) 2022 daripada RM200 juta kepada RM500 juta berdasarkan keperluan semasa.

Inisiatif lain kata perdana menteri ialah bantuan bayaran balik pinjaman untuk mangsa-mangsa banjir bagi pinjaman perumahan dan hartanah, kenderaan, kad kredit serta pinjaman peribadi sehingga enam bulan.

“Antara kemudahan termasuklah penangguhan atau pengurangan bayaran balik ansuran,” kata Ismail Sabri.

Beliau berkata kesemua inisiatif berkenaan adalah lanjutan daripada bantuan kerajaan yang diumumkan sebelum ini termasuk bantuan wang ihsan berjumlah RM1,000 bagi setiap ketua isi rumah bagi membantu meringankan beban Keluarga Malaysia yang terkesan akibat banjir.

“Saya amat bersimpati dengan kesengsaraan dan kepayahan yang terpaksa ditanggung oleh Keluarga Malaysia akibat terkesan dengan bencana banjir baru-baru ini,” kata perdana menteri.

Beliau berkata mangsa-mangsa banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur dan Selangor terpaksa menanggung kerugian akibat kemusnahan harta-benda.

INISIATIF BANTU MANGSA BANJIR

Untuk ringankan beban rakyat & perniagaan khususnya PMKS yang terkesan

Merupakan lanjutan bantuan kerajaan sebelum ini termasuk Bantuan Wang Ihsan RM1,000

ANTARA JENIS BANTUAN



Penangguhan / pengurangan bayaran balik ansuran pinjaman sehingga 6 bulan

- Perumahan & hartanah
- Kenderaan
- Kad kredit
- Pinjaman peribadi

0%

Peruntukan RM100 juta bagi pembiayaan kewangan peribadi oleh BSN

- Pembiayaan tanpa faedah sehingga RM5,000
- Terbuka kepada semua mangsa banjir
- Untuk ringankan beban beli peralatan/ kelengkapan rumah yang musnah
- Moratorium 6 bulan pertama bagi pembayaran ansuran bulanan



RM30 juta bagi Pinjaman Pemulihan Banjir Pembiayaan

- Di bawah TEKUN Nasional
- Menyasarkan PKS mikro yang terkesan banjir
- Pinjaman sehingga RM10,000 tanpa faedah
- Moratorium bayaran balik sehingga 12 bulan



Kemudahan pembiayaan RM200 juta melalui DRF 2022

- Disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)
- Menyasarkan PMKS terjejas banjir
- Jumlah peruntukan sedang diusahakan untuk ditambah kepada RM500 juta berdasarkan keperluan semasa

DRF: Kemudahan Bantuan Bencana **PMKS:** perusahaan mikro, kecil & sederhana
PKS: perusahaan kecil & sederhana **BSN:** Bank Simpanan Nasional

Sumber: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

Diterbitkan: 22 Dis 2021
Infografik Bernama



Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Hj Mahadi bin Che Ngah meninjau asrama yang diduduki oleh anak-anak yatim di Taman Seputeh yang telah ditimpa musibah tanah runtuh.



Tindakan akan menyusuli segera dalam membaik pulih kawasan tanah runtuh ini.



Datuk Seri Hj Mahadi Che Ngah bersama Ahli Parlimen Lembah Pantai Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil melihat situasi tanah runtuh di Bangsar Indah.



BELIAU turut ke Jalan Jelutong, Bukit Persekutuan untuk melihat kesan runtuhan tanah di kawasan itu.



KAKITANGAN Yayasan Wilayah Persekutuan turut bertugas di Pusat Pemindahan Sementara.



SUMBANGAN yang diagihkan kepada mangsa banjir.



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim diberi taklimat mengenai operasi kerja mengepam air banjir dan membersihkan kawasan petempatan di sekitar Mukim Labu Dengkil dan Bukit Changgang.



Shahidan melihat paip air yang digunakan untuk kerja-kerja mengepam air banjir di Mukim Labu Dengkil.



JALALUDDIN ketika menemui penduduk Taman Bandar Tinggi Kuala Klawang yang terjejas akibat banjir.



TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias turun padang meninjau operasi pembersihan pasca banjir di Taman Bandar Tinggi Kuala Klawang.



SKUAD Sukeralawan WiPers Prihatin yang diketuai Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri membantu kakitangan MSWP dan masyarakat setempat yang terkesan dalam musibah banjir di Hulu Langat.



DUA kakitangan PPJ membantu operasi pembersihan salah sebuah surau yang terjejas di Labu Lanjut, Salak Tinggi.



TAKLIMAT ringkas diberikan kepada kakitangan Perbadanan Putrajaya sebelum operasi pembersihan dijalankan.



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut menghantar pasukannya bagi membantu operasi pembersihan pasca banjir.



PASUKAN Petugas Perbadanan Putrajaya memberikan bantuan pembersihan kepada kawasan kediaman yang terjejas akibat banjir.



TIMBALAN Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan) Dato' Haji Che Roslan Che Daud menyantuni penduduk setempat ketikan tinjauan kerja-kerja pembersihan di Bukit Changgang.